

05/04/2005

Shahrizat-Abdullah

ISLAM HADHARI, PERSONALITI UNGGUL BUKTI KOMITMEN ABDULLAH BANGUNKAN  
INSAN

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Pendekatan Islam Hadhari dan pembentukan `personaliti unggul' yang diketengahkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilihat sebagai komitmen beliau dalam pembangunan insan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bermentaliti kelas pertama dan disegani dunia.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata bahawa setelah negara mencapai kemajuan ekonomi dan pembangunan infrastruktur yang membanggakan di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, sudah sampai masanya tumpuan diberikan pula kepada pembangunan insan.

"Jika 'hardware' yang dibentuk oleh Dr Mahathir tidak disokong dengan 'software' terbaik iaitu pembangunan insan, maka ia tidak akan dapat digunakan secara maksimum untuk kebaikan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Mengkaji Pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Terhadap Pembinaan Insan dan Pembangunan Sosial di sini hari ini.

Seminar itu, anjuran Institut Sosial Malaysia dan dihadiri lebih 500 peserta, bertujuan membincang dan mengupas pemikiran dan gagasan Abdullah agar ia dapat difahami dan dihayati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam adalah antara pembentang kertas kerja.

Shahrizat berkata pendekatan Islam Hadhari yang menggabungkan dua aspek utama iaitu pembangunan insan dan pembangunan kebendaan secara idealnya mampu menjadi pemangkin kepada semua aspek kehidupan secara menyeluruh.

Personaliti unggul pula, katanya, memberi tumpuan kepada perubahan sikap terutamanya orang Melayu ke arah membina masyarakat yang unggul dan berjiwa besar.

Beliau berkata pembangunan insan harus diberi keutamaan selari dengan pembangunan ekonomi bagi menjamin kemajuan negara.

"Sekian lama isu-isu sosial dilihat sebagai isu remeh yang tidak layak diketengahkan," kata Shahrizat.

-- BERNAMA

ABI MM AZZ MAI